

SOALAN NO: 32

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]**

**TARIKH : 14 Mac 2018 (Rabu)**

**SOALAN : Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah status rundingan Malaysia dengan China dalam eksport sarang burung walit mentah dan buah durian segar ke negara itu.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Rundingan akses pasaran bagi sesuatu produk pertanian biasanya akan mengambil masa yang lama kerana melibatkan isu-isu biosekuriti dan keselamatan makanan yang berpotensi untuk menjejaskan keseimbangan ekosistem sesebuah negara pengimport, sekiranya tidak diberi perhatian khusus.

Merujuk kepada rundingan akses pasaran bagi durian (*whole fruit*) antara Malaysia dengan China, Malaysia telah memulakan rundingan dengan China pada 4 November 2017. Terkini pada 23 Februari 2018, Malaysia telah selesai mengemukakan dokumen teknikal yang mengandungi antara lainny maklumat seperti teknik perladangan, pengurusan *post harvest*, analisis risiko serangga perosak serta cara mengawal risiko serangga perosak, sebagaimana yang diminta oleh China.

Bagi produk sarang burung walit mentah belum bersih (RUC EBN) pula, setelah protokol pemeriksaan, kuarantin dan kebersihan veterinar untuk pengeksportan RUC EBN ke China ditandatangani antara kedua-dua negara pada 1 November 2016, Malaysia telah selesai mengemukakan draf dokumen

*Standard Operating Procedure* (SOP) untuk dipertimbangkan oleh pihak China pada 22 Februari 2018. Maklumat-maklumat yang dikemukakan ini termasuklah berkaitan kaedah rawatan yang akan digunakan untuk merawat RUC EBN, adalah berdasarkan permintaan daripada pihak China, bagi memastikan produk yang dieksport ke negara tersebut adalah berkualiti dan selamat dimakan.

Pada masa ini, pihak Kementerian masih menunggu maklum balas daripada pihak China mengenai kesemua dokumen yang telah dikemukakan. Sekiranya kandungan dokumen tersebut dipersetujui, protokol yang menggariskan keperluan eksport komoditi tersebut akan ditandatangani oleh kedua-dua negara dan sekaligus membenarkan pengeksportan durian (*whole fruit*) dan RUC EBN ke China.

Bagi melancarkan lagi proses kelulusan ini, pihak Kementerian telah mengatur satu mesyuarat bersama pihak China pada 12 dan 13 Mac 2018 bagi membincangkan status terkini rundingan.